

# Pelancong Sweden ditendang sebelum diragut RM2,000

B-H 25/02/09 Msi3

**K**UCHING: "Saya sedang berjalan pulang sebelum ditendang pada bahagian punggung menyebabkan saya tersungkur di atas jalan raya," kata warga Sweden, Hedrig Landahl, 23, yang menjadi mangsa ragut dua lelaki bermotosikal di Jalan Mantheis, di sini malam kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 9 malam kelmarin, Hedrig yang ditemani rakan-nya, Tore Klarstrom, 23, bukan sahaja diragut malah diserang dua penjenayah yang turut melarikan wang tunai RM2,000 dan kamera digital miliknya.

Hedrig berkata, dia dalam dalam perjalanan pulang ke hotel bersama Tore sebelum sebuah motosikal yang dinaiki dua lelaki bertopi keledar menghampiri dengan pemboncengnya kemudian menendang bahagian belakangnya menyebabkan dia tersembam.

"Saya bersama teman lelaki baru tiba di Kuching petang kelmarin sebelum bertindak mengeluarkan wang tunai RM2,000 bagi memudahkan perjalanan kami yang pertama kali ke negara ini.

"Ketika mahu pulang ke hotel, saya ditendang dua lelaki yang kemudian meram-


pas beg kecil yang mengandungi wang tunai RM2,000 yang baru dikeluarkan, kamera digital dan beberapa barang peribadi lain," katanya ketika ditemui *Berita Harian* di sini, semalam.

Akibat terjatuh, Hedrig cedera pada kaki dan tapak tangan dia mendapat rawatan pesakit luar di Pusat Perubatan Timberland sebelum membuat laporan polis di Balai Polis Pelancong, Tebingan Kuching.

Beliau berkata, Tore yang berada berdekatnya tidak dapat berbuat apa-apa berikutan terlalu terkejut malah rakannya itu gagal mengingati nombor pendaftaran motosikal yang dinaiki dua penjenayah berkenaan.

"Kejadian itu berlaku terlalu cepat dengan Tore sendiri tidak sempat menghalang dua lelaki berkenaan merampas beg kecil saya walaupun mengetahui di dalamnya terdapat wang tunai dan barangan penting lain.

"Kejadian ini mungkin nasib malang yang menimpa kami di sini dengan saya mungkin akan memendekkan kunjungan kami walaupun pada awalnya merancang mahu bercuti selama enam minggu di sini," katanya.



**HEDRIG** tidak dapat menahan kesakitan ketika mendapat rawatan di Pusat Perubatan Timberland di Kuching, semalam.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuching, Asisten Komisioner Wong Wai Loong, mengesahkan pihaknya menerima laporan kejadian ragut berkenaan dengan pihaknya sedang cuba mengesan dua suspek yang menyerang mangsa.

"Polis percaya suspek mengekori wanita warga Sweden berkenaan sejak awal la-

gi selain mengetahui mangsa mengeluarkan sejumlah wang dari bank dan memasukkannya ke dalam beg kecil.

"Kita sedang cuba mendapatkan keterangan lanjut dari mangsa termasuk mengesan saksi yang melihat nombor pendaftaran motosikal berkenaan," katanya ketika dihubungi semalam.